




H. Nakhin
up cheluan
18/7/12

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
BAHAGIAN PENGGALAKAN PELABURAN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN
PENSWASTAAN**

Garis Panduan Permohonan

**GALAKAN BAGI PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN
DI BAWAH SEKSYEN 127 AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

A. JENIS-JENIS PERMOHONAN

1. Permohonan oleh syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10), Akta Cukai Pendapatan 1967- [P.U. (A) 51/2006].
 - Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bagi **Projek Baru** dan 5 tahun bagi **Projek Pembesaran** bermula dari tahun pertama syarikat mendapat pendapatan berkanun;
 - Kerugian sebelum dan dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian; dan
2. Permohonan syarikat untuk mendapat potongan cukai ke atas pelaburan dalam syarikat berkaitan untuk menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan – (Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan dalam Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2006 [P.U. (A) 55/2006]).
 - Potongan cukai bersamaan dengan amaun pelaburan yang dibuat dalam syarikat berkaitan yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan.

B. PROJEK PENGELUARAN BAHAN MAKANAN YANG DILULUSKAN

1. Penanaman:

- (i) Sayur-sayuran
- (ii) Buah-buahan
- (iii) Kenaf
- (iv) Herba
- (v) Rempah

2. Penternakan:

- (i) Lembu
- (ii) Kambing
- (iii) Biri-biri

3. Akuakultur

4. Perikanan Laut Dalam

- 5. Projek Integrasi** yang melibatkan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan (seperti yang disenaraikan di atas) bersama aktiviti pemprosesan yang berkaitannya.

C. KRITERIA KELAYAKAN

- 1. Syarikat yang MENJALANKAN PROJEK** pengeluaran bahan makanan yang diluluskan terdiri daripada dua kategori :

(a) Projek Baru

- (i) Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan adalah untuk projek yang tidak pernah dilaksanakan oleh syarikat dan projek itu belum bermula pada tarikh permohonan dikemukakan kepada MOA.
- (ii) Bagi syarikat sedia ada yang telah diluluskan galakan dan memohon untuk meluaskan projek tersebut, tempoh pengecualian cukai berhubung dengan peluasan projek tersebut adalah termasuk dalam **tempoh kelulusan galakan asal**.

(b) Projek Pembesaran

Pembesaran Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan tertakluk kepada syarat seperti berikut :

- (i) **Projek telah sedia ada tetapi tidak pernah diberi pengecualian cukai** di bawah Galakan Cukai bagi Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan;

- (ii) Melibatkan **kawasan tanah baru**; dan
 - (iii) **Diluluskan** oleh Menteri Kewangan.
- (c) Syarikat yang menjalankan projek yang telah diluluskan galakan di bawah **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10), Akta Cukai Pendapatan 1967** tetapi berhasrat untuk membuat pembesaran **dalam projek yang sama** (sama ada menerusi penambahan kawasan, penambahan / penukaran jenis komoditi dan spesies) hanya perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penilaian Insentif Sektor Pertanian (JPISP) di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tertakluk kepada baki tempoh pengecualian galakan yang asal.
- (d) **Projek akuakultur dan perikanan laut dalam** masing-masing dikenakan syarat sekurang-kurangnya 30% dan 100% ekuiti tempatan.
- (e) Di bawah subseksyen 2(4) Akta Cukai Pendapatan 1967, hanya **satu syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama** layak dipertimbangkan galakan untuk **projek yang sama** kecuali Projek Perikanan Laut Dalam, yang layak dipertimbangkan galakan sehingga **tiga buah syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama**.
2. **Syarikat yang MELABUR** dalam Syarikat Berkaitan yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan :
- (a) Syarikat Pelabur hendaklah memiliki **sekurang-kurangnya 70% ekuiti** dalam Syarikat Berkaitan.
 - (b) Pelaburan yang dibenarkan adalah **bagi projek baru sahaja**. Tiada sebarang potongan cukai layak dipohon oleh pelabur yang melabur dalam syarikat berkaitan yang **sedang melaksanakan projek** atau bagi tujuan **pembesaran projek**.
 - (c) Amaun yang layak dituntut hendaklah bersamaan dengan amaun yang dibelanjakan oleh syarikat berkaitan dalam projek bahan makanan yang diluluskan dalam tahun taksiran berkenaan.
 - (d) Jika pelaburan melibatkan pegangan saham, saham tersebut hendaklah dipegang sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
 - (e) Pertimbangan bagi kelulusan galakan ini tidak terpakai kepada syarikat pelabur apabila :
 - (i) diberi pengecualian cukai bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Perintah Cukai Pendapatan;

ATAU

 - (ii) tempoh pengecualian cukai Syarikat Berkaitan yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan bermula.

D. TEMPOH KELAYAKAN

1. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) **SEBELUM atau PADA 31 Disember 2015**.
2. Tarikh Permohonan kepada MOA adalah pada **tarikh terima permohonan yang lengkap** daripada syarikat pemohon.

E. DEFINISI SYARIKAT

1. Takrif SYARIKAT bagi tujuan pengecualian cukai untuk projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
 - (b) Pertubuhan Koperasi yang berasaskan pertanian;
 - (c) Pertubuhan Peladang Kawasan;
 - (d) Pertubuhan Peladang Persekutuan;
 - (e) Pertubuhan Peladang Negeri;
 - (f) Persatuan Nelayan Kawasan;
 - (g) Persatuan Nelayan Persekutuan;
 - (h) Persatuan Nelayan Negeri; dan
 - (i) Pemilikan Tunggal;
 - (j) Perkongsian; atau
 - (l) Pertubuhan / Persatuan yang semata-mata terlibat dalam bidang pertanian;

DAN bermastautin di Malaysia.

2. SYARIKAT yang melabur dalam syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan adalah seperti berikut :

- (a) Syarikat yang **diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;**

DAN

- (b) **Bermastautin di Malaysia.**

F. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan hendaklah mempunyai **modal berbayar sekurang-kurangnya RM5,000.00**.
2. **Saiz minimum projek akuakultur adalah 2 hektar.** Permohonan syarikat yang mempunyai keluasan tapak projek kurang daripada saiz minimum ini adalah dianggap sebagai tidak berstatus komersial dan tidak akan dipertimbangkan. Walau bagaimanapun syarat ini tidak terpakai untuk projek *hatchery* dan lain-lain projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan.
3. Pertimbangan permohonan untuk syarikat yang menjalankan projek akuakultur di Negeri Sarawak adalah **tertakluk kepada kelulusan permit / lesen** untuk menjalankan aktiviti akuakultur yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.

4. Setiap permohonan galakan untuk aktiviti perikanan laut dalam perlu menyertakan:
 - (a) Salinan **permit membina vessel perikanan laut dalam**; dan
 - (b) Salinan **lesen menangkap ikan laut dalam** dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dan disahkan oleh Ketua Pengarah Perikanan.
5. Borang permohonan perlu disertakan dengan maklumat seperti berikut :
 - (a) Struktur organisasi yang menunjukkan hubungan syarikat dalam kumpulan yang sama dan jumlah pegangan saham dalam setiap syarikat;
 - (b) Gambar lokasi projek, pelan tapak projek dan dokumen-dokumen yang menyokong kesahihan status pemilikan / penyewaan tanah;

SERTA

 - (c) **Borang 24 dan 49 Akta Syarikat 1965, dan *Memorandum of Articles of Association*** yang jelas menyatakan aktiviti yang berkaitan serta disahkan oleh Setiausaha Syarikat.
6. Syarikat yang menjalankan **lebih dari satu projek** pengeluaran bahan makanan yang diluluskan atau menjalankan perniagaan lain perlu menyediakan akaun berasingan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

G. SYARAT – SYARAT KELULUSAN

1. Projek yang diluluskan hendaklah dimulakan dalam tempoh **satu tahun** dari tarikh kelulusan galakan dikeluarkan oleh MOA.
2. Syarikat BERKAITAN yang menjalankan projek perlu mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan projek setiap **6 bulan** kepada Jabatan Pertanian Malaysia / Jabatan Perikanan Malaysia / Jabatan Perkhidmatan Veterinar* (mana yang berkenaan sahaja) bermula dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
3. Setiap projek yang dipohon perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah atau Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar 1994 dan peraturan-peraturan berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak *(mana yang berkenaan)
4. Kaedah **pelupusan / penyelenggaraan sisa buangan ternakan** hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Industri) 2009 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. **Amalan / Kaedah pelupusan / penyelenggaraan sisa buangan penternakan** terbaik semasa (*the best current practices*) yang diamalkan oleh Jabatan juga diguna pakai dalam membuat penilaian permohonan syarikat.

5. Kegagalan syarikat mematuhi syarat-syarat di atas boleh menyebabkan kelulusan ditarik balik.

H. DEFINISI PELABURAN UNTUK SYARIKAT PELABUR

1. Pelaburan yang layak dipertimbangkan untuk potongan cukai adalah bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat yang menjalankan projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan, dan hendaklah dalam bentuk:
 - (a) **Ekuiti / saham**; dan
 - (b) **wang tunai**.
2. Pelaburan dalam bentuk **pendahuluan** atau **pinjaman** adalah **tidak layak menuntut potongan cukai kecuali** pendahuluan atau pinjaman tersebut ditukar (*capitalised*) kepada ekuiti dalam tempoh **projek masih beroperasi** dan tempoh Pengecualian Cukai Syarikat berkaitan yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan Yang Diluluskan **belum bermula**.
3. Potongan cukai yang dibenarkan adalah ke atas pelaburan yang digunakan semata-mata bagi maksud membiayai projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan. Pelaburan yang diambil kira adalah pelaburan yang digunakan hanya untuk membiayai **kos perolehan tanah, perbelanjaan modal dan perbelanjaan modal kerja**. Jumlah pelaburan hendaklah **munasabah dengan saiz projek berkenaan**.
4. Potongan cukai yang layak dituntut oleh syarikat pelabur dalam suatu tahun taksiran adalah bersamaan dengan **jumlah pelaburan sebenar** yang dibuat dalam tahun taksiran berkenaan.
5. Permohonan bagi penambahan pelaburan oleh syarikat pelabur dalam syarikat berkaitan hendaklah dikemukakan kepada MOA berserta dengan justifikasi.
6. Jangka masa pelaburan tambahan yang layak dipohon adalah dihadkan sebelum tempoh pengecualian cukai Syarikat Berkaitan yang menjalankan Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan bermula.

I. PROSEDUR PEMROSESAN BORANG PERMOHONAN

1. Seperti di **Lampiran A, A1 dan B**.
2. Tempoh masa pemprosesan permohonan dikira bermula dari tarikh permohonan **yang lengkap** diterima daripada syarikat pemohon oleh MOA.
 - (a) Permohonan berserta semua dokumen sokongan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Penggalakan Pelaburan, Pembangunan Perniagaan dan Penswastan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) selaku urus setia.
 - (b) Cadangan projek akan terlebih dahulu dinilai oleh Jabatan penilai (iaitu Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) / Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) /

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengikut mana yang berkenaan). Tempoh masa penyiapan laporan penilaian cadangan projek ialah selama **4 minggu**.

- (c) Jangka masa pemprosesan permohonan sehingga surat kelulusan dikemukakan kepada pemohon ialah selama **8 minggu bagi projek-projek di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak** tidak termasuk jangka masa memberikan kelulusan oleh Kementerian Kewangan terhadap perakuan Jawatankuasa (JPISP).
 - (d) **Jangka masa memberikan kelulusan** oleh Kementerian Kewangan setelah surat perakuan diterima dari urus setia JPISP ialah **2 minggu**.
3. Permohonan boleh dibuat secara **dalam talian (*online*)** melalui laman web **Sistem Informasi dan Aplikasi Pelaburan Pertanian** di **<http://siapp.moa.gov.my>**.
4. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan galakan ini atau permohonan mengenainya boleh menghubungi :

**Bahagian Penggalakan Pelaburan,
Pembangunan Perniagaan dan Penswastaan
Kementerian Pertanian dan industri Asas Tani
Aras 12, Lot 4G1, Wisma Tani
Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA**

**Tel : 03 - 8870 1000 samb. 1290 / 1295 / 1288
Faks: 03 - 8888 6532**